Ujian 1 PT3

Tarikh: ____________

SKOR /35

BAB 1

# Skala dan Jarak

## Bahagian A

**1.** Antara yang berikut, yang manakah skala lurus? SP 1.1

**A** 


**B** 1 cm mewakili 1 km

**C** 1 km = 100 000 cm

**D** 1 : 100 000

**2.** Skala yang manakah menunjukkan 1 cm di atas peta mewakili 3 km di atas permukaan bumi? SP 1.1

**A** 


**B** 1 cm mewakili 30 km

**C** 1 : 30 000

**D** 


**3.** Skala pada peta membolehkan kita mengukur SP 1.1

**A** ketinggian bukit

**B** kepadatan penduduk

**C** jarak di antara dua tempat

**D** kedudukan sesuatu tempat

**4.** Jarak sebenar di antara sekolah dengan rumah Haikal ialah 6 km.
Jika skala lurus ialah 1 cm mewakili 2 km, berapakah jarak pada peta? SP 1.2

**A** 2 cm **C** 4 cm

**B** 3 cm **D** 6 cm

**5.** Alat pengukur yang digunakan untuk mengukur jarak melengkung ialah SP 1.3

I jangka tolok III jalur kertas

II jangka lukis IV benang

**A** I dan II **C** II dan III

**B** I dan IV **D** III dan IV

**6.** Pilih pernyataan yang betul tentang jarak relatif. SP 1.2

I Tidak tetap

II Tidak berubah

III Dinyatakan dalam unit kilometer

IV Berdasarkan kos dan masa

**A** I dan II **C** II dan III

**B** I dan IV **D** III dan IV

**Soalan** 7 *hingga* **Soalan 10** *berdasarkan Rajah 1.*




*Rajah 1*

**7.** Berapakah jarak lurus dari sekolah ke masjid? SP 1.3

**A** 3 km **C** 5 km

**B** 4 km **D** 6 km

**8.** Berapakah jarak dari sekolah ke rumah Mufidah melalui jalan raya? SP 1.3

**A** 4 km **C** 6 km

**B** 5 km **D** 7 km

**9.** Jika tambang bas ialah RM0.30/km, kira tambang bas dari rumah Mufidah ke sekolah. SP 1.2

**A** RM1.20 **C** RM1.80

**B** RM1.50 **D** RM2.40

**10.** Jarak sebenar di antara masjid dengan pasar ialah SP 1.3

**A** 2 km **C** 4 km

**B** 3 km **D** 6 km

[10 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

PENERBITAN PELANGI SDN BHD
Ray Lai 012-7998933
Paul 019-6667927 / 016-8844710
Price: ____________

Ujian 2 PT3

Tarikh: ________

BAB 2

# Peta Topografi

SKOR ____/30

## Bahagian A

**Soalan 1** *hingga* **Soalan 5** *berdasarkan Peta 1.*




*Peta 1*

**1.** Apakah ciri fizikal yang terdapat di RG 1116? SP 2.4

**A** Sungai **C** Kontur
**B** Getah **D** Padi sawah

**2.** Apakah rujukan grid 4 angka bagi Kg. Pulai? SP 2.3

**A** RG 1017 **C** RG 1118
**B** RG 1117 **D** RG 1218

**3.** Antara yang berikut, ciri budaya yang manakah terdapat pada Peta 1? SP 2.4

I Kelapa III Sekolah
II Sungai IV Jalan raya

**A** I dan II **C** II dan III
**B** I dan IV **D** III dan IV

**4.** Tanaman utama di kawasan tanah pamah ialah SP 2.4

**A** getah **C** kelapa sawit
**B** paya bakau **D** padi sawah

**5.** Rujukan grid 6 angka bagi balai polis ialah SP 2.3

**A** RG 103162 **C** RG 105186
**B** RG 116188 **D** RG 117189

**6.** Pilih pernyataan yang betul tentang garisan timuran. SP 2.2

**A** Dilukis secara menegak
**B** Dilukis secara melintang
**C** Nilai bertambah dari utara ke selatan
**D** Nilai bertambah dari timur ke barat

**7.** Antara yang berikut, yang manakah pandang darat budaya? SP 2.4

I Saliran
II Petempatan
III Kegiatan ekonomi
IV Bentuk muka bumi

**A** I dan II **C** II dan III
**B** I dan IV **D** III dan IV

**8.** Tanah pamah sesuai sebagai kawasan SP 2.4

**A** pertanian
**B** pelabuhan
**C** jeti perikanan
**D** stesen hidroelektrik

**9.** Antara yang berikut, yang manakah simbol ciri fizikal? SP 2.4

**A** 
**C** 
**B** 
**D** 

**10.** Kawasan yang beralun sesuai untuk tanaman SP 2.4

**A** getah **C** tebu
**B** kelapa **D** padi sawah

[10 *markah*]



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Ujian 3 PT3

Tarikh: ____________

SKOR /55

BAB 3

# Pengaruh Pergerakan Bumi terhadap Cuaca dan Iklim

## Bahagian A

1. Kejadian di bawah dapat dikaitkan dengan SP 3.2

   - Siang dan malam
   - Pembiasan angin lazim

   **A** peredaran bumi
   **B** bentuk sfera bumi
   **C** matahari terbit di timur
   **D** putaran bumi pada paksinya

2. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan putaran bumi? SP 3.2
   **A** Kejadian empat musim
   **B** Berputar mengelilingi bulan
   **C** Berputar di atas paksinya dari barat ke timur
   **D** Mengambil masa 365¼ hari untuk membuat satu pusingan

3. Pernyataan yang manakah betul tentang ekuinoks musim bunga? SP 3.2
   **A** Siang dan malam sama panjang
   **B** Siang lebih panjang daripada malam
   **C** Hemisfera selatan mengalami musim panas
   **D** Matahari tengah hari berada di Garisan Jadi

4. Pilih pernyataan yang betul tentang solstis musim sejuk. SP 3.3
   **A** Berlaku pada 22 Disember
   **B** Matahari tengah malam di Kutub Utara
   **C** Matahari tengah hari tepat di Garisan Sartan
   **D** Hemisfera utara mengalami musim panas

5. Apakah kesan peredaran bumi? SP 3.3
   I Perbezaan waktu tempatan
   II Perubahan empat musim
   III Fenomena gerhana bulan
   IV Kejadian air pasang dan air surut

   **A** I dan II  **C** II dan III
   **B** I dan IV  **D** III dan IV

**Soalan 6** *hingga* **Soalan 8** *berdasarkan Rajah 1.*




*Rajah 1*

6. Berdasarkan ciri-ciri di bawah, bumi berada pada kedudukan SP 3.3

   - Musim panas di hemisfera selatan
   - Malam lebih panjang di hemisfera utara

   **A** P  **C** R
   **B** Q  **D** S

7. Matahari tengah hari tegak di atas kepala di Garisan Sartan semasa kedudukan bumi pada SP 3.3
   **A** P  **C** R
   **B** Q  **D** S

8. Panjang siang dan malam adalah sama panjang semasa kedudukan bumi pada SP 3.3
   **A** P dan R  **C** Q dan R
   **B** Q dan S  **D** P dan S

9. Bumi mengambil masa _____ untuk melengkapkan satu putaran. SP 3.2
   **A** 24 jam  **C** satu tahun
   **B** 365¼ hari  **D** 4 minit

10. Bumi berputar sebanyak _____ dalam satu jam. SP 3.2
    **A** 1°  C 23½°
    **B** 5°  D 66½°

[10 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Ujian 5 PT3

Tarikh: ____________

BAB 4

# Cuaca dan Iklim di Malaysia

SKOR /70

## Bahagian A

1. Apakah jenis iklim di Malaysia? SP 4.1
   A Iklim Savana
   B Iklim Khatulistiwa
   C Iklim Monsun Tropika
   D Iklim Mediterranean

2. Pernyataan yang manakah betul tentang ciri iklim di Malaysia? SP 4.1
   A Julat suhu tahunan kira-kira 4°C
   B Hujan tahunan kira-kira 500 mm
   C Suhu hampir sekata sepanjang tahun
   D Hujan maksimum dalam bulan Disember

3. Angin Monsun Timur Laut bertiup SP 4.1
   A dari bulan Oktober hingga November
   B dari bulan Mei hingga September
   C dari bulan November hingga Mac
   D dari bulan April hingga Mei

4. Maklumat di bawah tentang kejadian SP 4.1

   | |
   |---|
   | Udara bergerak dari daratan (tekanan tinggi) ke lautan (tekanan rendah) |

   A bayu laut
   B bayu darat
   C angin Sumatera
   D angin Monsun Timur Laut

5. Apakah ciri suhu di Malaysia? SP 4.1
   A Min suhu tahunan 27°C
   B Julat suhu tahunan 18°C
   C Julat suhu harian melebihi 10°C
   D Suhu rendah sepanjang tahun

6. _______ menerima hujan paling sedikit kerana terletak di kawasan lindungan hujan. SP 4.1
   A Long Akah  C Kuala Pilah
   B Bukit Larut  D Sandakan

7. Rajah 1 menunjukkan pembentukan SP 4.1




*Rajah 1*

   A hujan relief  C hujan perolakan
   B hujan bukit  D hujan perenggan

8. Maklumat di bawah dapat dikaitkan dengan kegiatan perikanan di SP 4.3

   - Laut bergelora pada musim tengkujuh
   - Nelayan tidak turun ke laut

   A Kuala Dungun  C Tanjung Dawai
   B Pulau Ketam  D Pulau Pangkor

9. Apakah faktor yang menyebabkan kejadian pulau haba? SP 4.3
   I Pereputan haiwan
   II Penghutanan semula
   III Pembinaan bangunan konkrit
   IV Bahan pencemar dari kilang dan kenderaan

   A I dan II  C II dan III
   B I dan IV  D III dan IV

10. Kesan La Nina ialah SP 4.4
    A berlakunya krisis air
    B kejadian banjir besar
    C mengakibatkan jerebu
    D kemarau yang berpanjangan

[10 *markah*]


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Ujian **6** PT3

BAB 5

# Pengangkutan di Malaysia

Tarikh: ______________

SKOR ___/60

## Bahagian A

**Soalan 1** *hingga* **Soalan 4** *berdasarkan Peta 1.*




*Peta 1 Malaysia*

1. Lebuh raya **X** ialah SP 5.1
   - **A** Lebuhraya Utara-Selatan
   - **B** Lebuhraya Persekutuan
   - **C** Lebuhraya Pantai Timur
   - **D** Lebuhraya Timur-Barat

2. Lapangan terbang antarabangsa terletak di kawasan yang bertanda SP 5.2
   - **A** I dan II
   - **B** I dan IV
   - **C** II dan III
   - **D** III dan IV

3. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan pelabuhan yang bertanda **P**? SP 5.2
   - **A** Pusat Muatan Negara
   - **B** Mengeksport gas asli cecair
   - **C** Terdiri daripada dua terminal
   - **D** Menyediakan perkhidmatan feri

4. Namakan pelabuhan yang bertanda **P**. SP 5.2
   - **A** Miri
   - **B** Kuching
   - **C** Bintulu
   - **D** Kemaman

5. Antara yang berikut, yang manakah lapangan terbang antarabangsa? SP 5.2
   - **A** Senai
   - **B** Tawau
   - **C** Tioman
   - **D** Sibu

6. Tujuan lebuh raya dibina adalah untuk SP 5.1
   - I menjimatkan masa
   - II memendekkan jarak perjalanan
   - III mengurangkan kos perjalanan
   - IV mengurangkan darjah ketersampaian
   - **A** I dan II
   - **B** I dan IV
   - **C** II dan III
   - **D** III dan IV

7. Perkhidmatan rel bersepadu merangkumi SP 5.1
   - **A** teksi
   - **B** Grab
   - **C** MRT
   - **D** bas

8. Mengapakah jenis pengangkutan di bawah diperkenalkan? SP 5.6
   - MRT
   - LRT

   - **A** Menjimatkan kos buruh
   - **B** Mengurangkan kes kemalangan
   - **C** Memudahkan penghantaran hasil
   - **D** Mengurangkan kesesakan lalu lintas

9. Maklumat di bawah merujuk SP 5.1

   Stesen persimpangan kereta api antara pantai barat dengan pantai timur Semenanjung Malaysia.

   - **A** Gemas
   - **B** Tumpat
   - **C** Taiping
   - **D** Johor Bahru

10. Mengapakah jaringan jalan raya lebih padat di pantai barat Semenanjung Malaysia?
    - **A** Kaya dengan sumber petroleum
    - **B** Perkembangan ekonomi yang pesat
    - **C** Bebas daripada tiupan angin monsun
    - **D** Bentuk muka bumi yang berbukit-bukau

[10 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Ujian 8 PT3

Tarikh: ____________

BAB 6

# Telekomunikasi di Malaysia

SKOR /55

## Bahagian A

1. Alat telekomunikasi yang ditunjukkan dalam Foto 1 ialah SP 6.1



*Foto 1*

A telefon  C mesin faks
B telegraf  D mesin teleks

2. Di manakah letaknya stesen satelit bumi dalam Foto 2? SP 6.2



*Foto 2*

A Cyberjaya  C Petaling Jaya
B Putrajaya  D Kota Bharu

3. Agensi yang bertanggungjawab dalam perkembangan perkhidmatan telefon di Malaysia ialah SP 6.2
A TMNet  C Tenaga Nasional
B JARING  D Telekom Malaysia

4. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan kabel fiber optik? SP 6.2
A Kabel berkapasiti rendah
B Diperbuat daripada serat kaca
C Perkhidmatan pesanan ringkas
D Memproses maklumat tanpa mengira tempat

5. Pengurusan pentadbiran kerajaan yang berkonsepkan tanpa kertas (paperless) merujuk SP 6.4
A e-learning  C e-ekonomi
B e-kerajaan  D e-perubatan

6. Perkhidmatan telekesihatan yang telah dilaksanakan di beberapa hospital di Malaysia bertujuan untuk SP 6.4
A memberi rawatan percuma
B mengurangkan kos perubatan
C memberi rawatan telepati kepada pesakit
D menggalakkan perkongsian kepakaran doktor

7. Perkembangan yang pesat dalam telekomunikasi telah membantu Malaysia SP 6.4
I mempercepatkan urusan perniagaan
II menarik lebih ramai pelabur asing
III mengurangkan kos penghantaran
IV meningkatkan mobiliti penduduk
A I dan II  C II dan III
B I dan IV  D III dan IV

8. Kesan negatif yang mungkin wujud akibat perkembangan telekomunikasi di Malaysia ialah SP 6.4
I meningkatkan integrasi penduduk
II lambakan komputer di pasaran
III penyebaran maklumat negatif
IV pencerobohan maklumat dalam pangkalan data
A I dan II  C II dan III
B I dan IV  D III dan IV

[8 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Ujian **9** PT3

Tarikh: ____________

BAB 7

# Kepelbagaian Iklim dan Pengaruhnya terhadap Kegiatan Manusia di Asia

SKOR /55

## Bahagian A

**1.** Antara yang berikut, yang manakah iklim di zon panas? SP 7.1
I Iklim Gurun Panas
II Iklim Khatulistiwa
III Iklim Laurentia
IV Iklim Siberia
**A** I dan II **C** II dan III
**B** I dan IV **D** III dan IV

**2.** Maklumat di bawah menerangkan iklim SP 7.2

- Musim panas: 15°C – 20°C
- Hujan tahunan: Kira-kira 500 mm

**A** Tundra **C** China
**B** Siberia **D** Steppe

**3.** Iklim Tundra menerima kerpasan tahunan SP 7.3
**A** melebihi 500 mm
**B** 250 mm hingga 300 mm
**C** 500 mm hingga 1 000 mm
**D** kira-kira 2 600 mm

**4.** Apakah ciri iklim Laurentia? SP 7.4
**A** Musim panas singkat
**B** Suhu tinggi sepanjang tahun
**C** Sejuk dan kering sepanjang tahun
**D** Hujan maksimum pada musim sejuk

**5.** Apakah ciri suhu iklim China? SP 7.5
I Min suhu tahunan 15°C
II Suhu musim panas 28°C
III Suhu musim sejuk –6°C hingga 10°C
IV Julat suhu tahunan 42°C
**A** I dan II **C** II dan III
**B** I dan IV **D** III dan IV

**6.** Antara yang berikut, yang manakah betul tentang iklim di Gurun Arab? SP 7.6
**A** Musim sejuk sangat sejuk
**B** Sering mengalami ribut salji
**C** Min suhu tinggi pada awal tahun
**D** Suhu rendah pada awal dan akhir tahun

**Soalan 7** *hingga* **Soalan 10** *berdasarkan Peta 1.*




*Peta 1 Asia*

**7.** Maklumat di bawah merujuk kawasan bertanda SP 7.6

- Menternak unta, biri-biri dan lembu
- Penanaman pokok kurma

**A** I **C** III
**B** II **D** IV

**8.** Kawasan yang manakah mengalami empat musim? SP 7.4 & 7.5
**A** I dan II **C** II dan III
**B** I dan IV **D** III dan IV

**9.** Penduduk di kawasan bertanda ______ memburu binatang untuk mendapatkan bulu, kulit dan daging. SP 7.3
**A** I **C** III
**B** II **D** IV

**10.** Arus panas Kurashio dan arus sejuk Oyashio mempengaruhi kegiatan perikanan di kawasan bertanda SP 7.4
**A** I **C** III
**B** II **D** IV

[10 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Ujian **10** PT3

Tarikh: ____________

SKOR /50

BAB 8

# Jenis dan Kemajuan Pengangkutan di Asia

## Bahagian A

**Soalan 1** *dan* **Soalan 2** *berdasarkan Peta 1.*




*Peta 1 Asia*

**1.** Maklumat di bawah merujuk negara yang bertanda SP 8.1

| |
|---|
| Mempunyai landasan kereta api paling banyak di dunia. |

**A** P　　**C** R
**B** Q　　**D** S

**2.** Maklumat di bawah merujuk lapangan terbang yang bertanda SP 8.1

| |
|---|
| Lapangan terbang yang dibina di kawasan laut yang ditambak. |

**A** I　　**C** III
**B** II　　**D** IV

**3.** Pelabuhan yang manakah menjalankan operasi pemunggahan kargo di tengah laut? SP 8.2

**A** Pelabuhan Hong Kong
**B** Pelabuhan Singapura
**C** Pelabuhan Klang
**D** Pelabuhan Tokyo

**4.** Apakah faktor yang mempengaruhi masyarakat Jepun menggunakan perkhidmatan Shinkansen? SP 8.2

**A** Menepati masa
**B** Tambang murah
**C** Duti import yang rendah
**D** Pengangkutan lain terhad

**5.** Pilih pernyataan yang berkaitan dengan kereta api berkelajuan tinggi di Jepun. SP 8.2

**A** Mengenakan duti pengangkutan yang sangat tinggi
**B** Kemalangan sifar sejak beroperasi selama 50 tahun
**C** Ruang legarnya menempatkan restoran mewah
**D** Bergerak pada kelajuan 200 kilometer bagi setiap satu jam

**6.** Pernyataan yang manakah betul tentang Lapangan Terbang Antarabangsa Dubai? SP 8.2

**A** Terletak pada kedudukan laluan perdagangan dunia
**B** Hab penerbangan yang terbesar di dunia
**C** Merupakan lapangan terbang yang termoden
**D** Mempunyai empat terminal utama

**7.** Apakah kesan negatif perkembangan pengangkutan di Asia? SP 8.3

I Kemusnahan kawasan tadahan air
II Perubahan landskap yang menarik
III Mengurangkan pencemaran bunyi
IV Pencemaran air akibat tumpahan minyak

**A** I dan II　　**C** II dan III
**B** I dan IV　　**D** III dan IV

[7 *markah*]

Ujian 12 PT3

Tarikh: __________

BAB 9

# Pemanasan Global

SKOR /50

## Bahagian A

**1.** Gas yang manakah menyebabkan peningkatan suhu bumi? SP 9.2
I Oksigen
II Nitrogen
III Nitrus oksida
IV Karbon dioksida
**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**2.** Antara yang berikut, yang manakah faktor semula jadi yang menyebabkan pemanasan global? SP 9.2
I Kebakaran hutan
II Letusan gunung berapi
III Pembakaran terbuka
IV Penyahhutanan
**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**3.** Pembakaran secara terbuka membebaskan gas ______ ke atmosfera. SP 9.2
**A** CFC
**B** metana
**C** nitrogen
**D** karbon dioksida

**4.** Kegiatan manusia yang manakah yang menyebabkan pemanasan global? SP 9.2
I Pembakaran bahan api fosil
II Kegiatan perindustrian
III Letusan gunung berapi
IV Kebakaran hutan
**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**5.** Antara yang berikut, yang manakah kesan pemanasan global? SP 9.3
I Penurunan aras laut
II Penurunan suhu global
III Tanah menjadi tandus
IV Kemerosotan sumber makanan
**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**6.** Apakah kesan peningkatan aras laut akibat pemanasan global? SP 9.3
**A** Tanah menjadi tandus
**B** Penyakit katarak
**C** Banjir besar
**D** Dehidrasi

**7.** Masalah kesihatan yang berkaitan dengan gelombang haba ialah SP 9.3
I strok haba
II katarak
III diabetes
IV jaundis
**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**8.** Antara yang berikut, yang manakah kesan peningkatan suhu? SP 9.3
**A** Aras laut menurun
**B** Udara menjadi lembap
**C** Bekalan makanan bertambah
**D** Taburan hujan tidak menentu

**9.** Amalan 5R merangkumi SP 9.4
I kitar semula
II menanam pokok
III pembenihan awan
IV rawatan silvikultur
**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**10.** Antara yang berikut, yang manakah sumber tenaga alternatif? SP 9.4
I Tenaga suria
II Tenaga ombak
III Tenaga arang batu
IV Tenaga gas asli
**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

[10 *markah*]